

Headline	Jangkitan HIV/Aids menurun		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	02 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,387
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,161



Jangkitan HIV/Aids menurun

KEMAMAN - Trend jangkitan HIV/Aids menurun sejak Program Mengurangkan Kemudaratan atau Harm Reduction Programme diperkenalkan di Terengganu pada 2006.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Mohammad Omar berkata, jumlah kes HIV baharu yang direkodkan pada 2005 ialah sebanyak 486 kes dan ia berkurang kepada 165 kes pada 2015 serta 134 kes pada tahun lalu.

Menurutnya, komponen program berkenaan terbahagi kepada Terapi Gantikan Methdone (MRT) dan Pertukaran Jarum Suntikan (NSEP).

"Pada 2006 sebanyak sembilan kes berdaftar untuk MRT tetapi sekarang kes yang berdaftar berjumlah 3,119.

"Sekarang semua enam hospital dan 40 Klinik Kesihatan (KK) di Terengganu kecuali KK Hiliran ada menyediakan program MRT dan NSEP ini. Impaknya kes-kes baharu HIV/Aids di negeri ini semakin menurun," katanya.

Katanya, trend penurunan itu sejajar dengan matlamat Kementerian Kesihatan untuk mencapai sasaran 90-90-90 menjelang 2030.

"Angka itu bermaksud 90 peratus kumpulan sasaran disaring dan mengetahui status HIV/Aids mereka.

"90 peratus pesakit yang dikesan positif diberi rawatan anti-viral ART dan 90 peratus mereka diberi rawatan mengalami penurunan populasi virus dalam badan," katanya.



Mohamad menampal pelekat pada kereta peserta sempena program kembara yang dianjurkan Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu.